



## SIARAN MEDIA BERSAMA

---

### PROGRAM KERJASAMA DALAM PERKONGSIAN MAKLUMAT DI ANTARA LEMBAGA HASIL DALAM NEGERI MALAYSIA DAN JABATAN KASTAM DIRAJA MALAYSIA

1. Lembaga Hasil Dalam Negeri Malaysia (LHDNM) dan Jabatan Kastam Diraja Malaysia (JKDM) hari ini menandatangani **Memorandum Persefahaman Kerjasama Dalam Perkongsian Maklumat bersama** bagi memperkukuh, memajukan dan membangunkan kerjasama serta bantuan ke atas perkara berhubung setiap pihak dalam menjalankan bidang kuasa kedua-dua pihak. Ia juga untuk memperkukuhkan persefahaman dan komunikasi bersama dengan lebih berkesan. **Majlis disaksikan oleh YB Datuk Seri Johari bin Abdul Ghani, Menteri Kewangan II.**
2. Pelaksanaan Memorandum Persefahaman Perkongsian Maklumat bersama ini akan disasarkan di seluruh negara.
3. Bagi menjayakan pelaksanaan program ini, Jawatankuasa Induk Perkongsian Maklumat yang dianggotai oleh pengurusan tertinggi kedua-dua agensi dan Jawatankuasa Kerja Teknikal telah ditubuhkan bertujuan mengkaji skop perkongsian, aspek perundangan dan kaedah perkongsian.
4. Program kerjasama dalam perkongsian maklumat ini dicetuskan di bawah kerjasama **Strategi Lautan Biru Kebangsaan (NBOS)** yang digerakkan selaras dengan **Pelan Transformasi Kerajaan**. LHDNM dan JKDM berharap untuk membina satu rangkaian perkongsian maklumat antara agensi kerajaan bagi meningkatkan pelaksanaan operasi kerja dengan lebih berkesan.

5. **Dato' Sri Subromaniam Tholasy, Ketua Pengarah Kastam Malaysia** menegaskan bahawa MoU dalam perkongsian maklumat bersama ini dapat meningkatkan prestasi JKDM dalam peningkatan hasil. Beliau menyatakan bahawa sehingga Oktober 2017, JKDM telah berjaya menyelesaikan sebanyak **7537 fail** yang melibatkan penyelesaian tuntutan hasil GST dan Duti Import berjumlah **RM695.788 juta**.
6. MoU ini membolehkan JKDM mendapatkan maklumat daripada LHDNM seperti Borang B (Pendapatan Perniagaan), Borang BT (Pendapatan Perniagaan, Penggajian dan Pendapatan lain), Borang M (Pendapatan Perniagaan, Penggajian dan Pendapatan lain), Borang C (Syarikat) dan borang lain seperti Cukai Keuntungan Harta Tanah dan Cukai Pegangan.
7. Menurut **Dato' Sri Sabin Samitah, Ketua Pegawai Eksekutif LHDNM**, MoU ini membolehkan LHDNM memperolehi maklumat spesifik yang terdapat dalam Borang GST01, GST03 dan GST04 serta maklumat-maklumat lain yang berada dalam kawalan JKDM. Maklumat dan data ini kemudiannya akan membantu proses padanan data (data matching) serta analisis bagi mengenalpasti pembayar cukai berpotensi, pemilihan kes audit dan siasatan serta meningkatkan pematuhan pemungutan cukai.
8. Mengulas mengenai keberkesanan *Taskforce CIA* menerusi inisiatif perkongsian maklumat dengan JKDM ini, Dato' Sri Sabin memaklumkan sehingga 30 September 2017, LHDNM berjaya menyelesaikan sebanyak **17,454 kes** melibatkan amaun penyelesaian cukai berjumlah **RM789.851 juta**.

**Dikeluarkan oleh:**

<b>Dikeluarkan oleh</b>	
YBhg. Dato' Sri Sabin bin Samitah Ketua Pegawai Eksekutif Lembaga Hasil Dalam Negeri Malaysia	YBhg. Dato' Sri Subromaniam Tholasy Ketua Pengarah Jabatan Kastam Diraja Malaysia

**Tarikh: 16 November 2017**

---

**Sebarang pertanyaan sila hubungi:**

<b>Lembaga Hasil Dalam Negeri Malaysia</b>	<b>Jabatan Kastam Diraja Malaysia</b>
Norhanadia Samsudin Pengarah Komunikasi Lembaga Hasil Dalam Negeri Malaysia <a href="mailto:norhanadia@hasil.gov.my">norhanadia@hasil.gov.my</a> /	Mohd Hisham Mohd Nor Ketua Cawangan Perhubungan Awam Jabatan Kastam Diraja Malaysia <a href="mailto:m_hisham.nor@customs.gov.my">m_hisham.nor@customs.gov.my</a>
Masrun Maslim Ketua Penolong Pengarah Bahagian Komunikasi Lembaga Hasil Dalam Negeri Malaysia <a href="mailto:masrun@hasil.gov.my">masrun@hasil.gov.my</a>	Zaki Nor Muhamad Penolong Pengarah Kastam Cawangan Perhubungan Awam Jabatan Kastam Diraja Malaysia <a href="mailto:zaki.muhd@customs.gov.my">zaki.muhd@customs.gov.my</a>